

1982

PETALING JAYA, 6 OGOS (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU PARA PEKERJA SUPAYA JANGAN TERLALU +BERKIRA+ DENGAN WAKTU BEKERJA HINGGA BOLEH MENJEJASKAN PROSES PEMBANGUNAN PESAT DI NEGARA INI.

MASALAH YANG DIHADAPI NEGARA SEKURANG IALAH RAMAI PARA PEKERJA YANG TERLALU PENTINGKAN WAKTU MINUM DAN TIDAK MAHU BEKERJA LEBIH DARI WAKTU BIASA, KATA PERDANA MENTERI.

INI MENGAKIBATKAN BEBERAPA KERJA TERGENDALA ATAU TIDAK DAPAT DISIAPKAN LEBIH CEPAT, KATANYA KEPADA KUMPULAN PERTAMA SERAMAI 130 BAKAL PELATIH YANG TAMAT KURSUS INTENSIF BAHASA JEPUN, DI KAMPUS ITM JALAN OTHMAN DI SINI PETANG TADI.

DASAR PANDANG KE TINUR YANG DILAKSANAKAN KERAJAAN SEKARANG ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENCONTOHI SEMANGAT DAN DISIPLIN PARA PEKERJA JEPUN DAN KOREA DISAMPING MEMPELAJARI TEKNOLOGI DAN KEMAHIRAN MEREKA.

SIKAP BEKERJA ALA BARAT TIDAK HARUS DITAUADANI LAGI KERANA IA HANYA MENGGALAKKAN PEKERJA MENJADI MALAS. -- LAGI 1958/AH

MAHATHIR-TIMUR 2 PETALING JAYA

SEBAGAI CONTOH BELIAU MENYEBUT BAHAWA KERJA UNTUK MEMPERBAIKI BANGUNAN JABATAN PENUNTUT MALAYSIA DI LONDON MENGAMBIL MASA DUA TAHUN SETENGAH WALAU PUN KERJA ITU JIKA DILAKUKAN OLEH PEKERJA MALAYSIA DAPAT DISIAPKAN DALAM TEMPOH TIGA BULAN.

TETAPI PERATURAN DI SANA MENGIZINKAN PENGAMBILAN PEKERJA YANG MENGANGGOTAI KESATUAN SEKERJA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JEPUN LEBIH MAJU DARI NEGARA-NEGARA BARAT SEKARANG KERANA TELAH MENIRU TEKNOLOGI BARAT TETAPI TETAPI MENGEKALKAN BUDAYA MEREKA.

BARANG-BARANG YANG DIKELUARKAN OLEH JEPUN LEBIH BERSAING LAGI DARI BARANG-BARANG BUATAN BARAT, KATANYA.

SATU LAGI BIDANG YANG HARUS DICONTOHI IALAH SEMANGAT BEKERJA SEBAGAI KUMPULAN SEHINGGA SUKAR MENGENALI YANG MANA +BOSS+ DAN YANG MANA PEKERJA.

SIKAP MEMENTINGKAN PANGKAT ATAU KEDUDUKAN DALAM PEKERJAAN YANG MASIH TERDAPAT DI NEGARA INI PERLU DIKIKISKAN SUPAYA PARA PEKERJA DI PERINGKAT BAWAH AKAN LEBIH MENGHORMATI KETUA MASING-MASING.

INI AKAN MENJAMIN KEHARMONIAN PEKERJAAN YANG LEBIH BAIK DAN AKAN MEMBANTU MENINGKATKAN PRESTASI PEKERJAAN. --LAGI 2012/OM

B639:

MAHATHIR-TIMUR 3 PETALING JAYA

SIKAP ANGGUKH PEGAWAI-PEGAWAI KANAN YANG MEMENTINGKAN BILIK BEKERJA YANG SELESA DAN ENGGAN BERGAUL DENGGA KAKITANGAN BAWAHAN PERLU DIHAPUSKAN, KATANYA.

BELIAU MENYERU PARA PELATIH ITU SUPAYA CUBA MENCONTOHI SEMANGAT DAN DEDIKASI PARA PEKERJA JEPUN DI SAMPING TEKUN MEMPELAJARI BIDANG MASING-MASING.

JIKA NEGARA INI INGIN MAJU SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG KUAT DAN DISEGANI, RAKYAT HARUS SANGGUP BEKERJA KUAT DENGAN PENUH SEMANGAT DAN DEDIKASI WALAU DALAM APA BIDANG SEKALIPUN TANPA TERLALU MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PERIBADI, KATANYA.

PARA PELATIH TERSEBUT AKAN TAMAT KURSUS INTENSIF SELAMA ENAM BULAN ITU MINGGU DEPAN DAN AKAN BERLEPAS KE JEPUN PADA 5 SEPTEMBER UNTUK MENGIKUTI LATIHAN DI BIDANG KEJUTRUTERAAN DAN PEMBINAAN KAPAL.

MEREKA DIPILIH DRIPADA PARA LEPASAN SEKOLAH MENENGAH VOKE-SYENAL.

KUMPULAN KEDUA SERAMAI 280 ORANG PELATIH DIJANGKA AKAN MEMULAKAN KURSUS MASING-MASING PADA 15 SEPTEMBER INI. --BERNAMA 2015/OM